

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN BUNBKUSAN HARI RAYA BAGI PASUKAN KESELAMATAN  
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 13-01-1998

1. Bagi pihak BAKTI saya mengalu-alukan kehadiran tuan- tuan dan puan-puan pagi ini yang memberi banyak ertinya kepada BAKTI. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ketua Polis Negara dan Panglima Angkatan Tentera serta Pegawai Tertinggi kedua-dua pihak kerana sudi melapangkan masa untuk bersama dengan kami.
2. Syukur Alhamdulillah, sungguhpun negara kita sekarang sedang menghadapi masalah ekonomi, keprihatinan dan ingatan kita kepada anggota-anggota pasukan keselamatan negara tidak sedikitpun luntur. Malah masyarakat begitu menghargai tinggi peranan dan jasa anggota-anggota pasukan keselamatan negara selama ini.
3. BAKTI menunggu-nunggu hari bungkusan dan penyampaian ini kerana ketika inilah dapat BAKTI berpeluang untuk menzahirkan penghargaan dan terima kasih BAKTI yang tidak terhingga kepada semua anggota pasukan keselamatan daripada Angkatan Tentera dan Polis DiRaja Malaysia atas jasa-jasa dan pengorbanan mereka menjaga keamanan dan kesejahteraan di dalam dan luar negara. Ada yang telah selamat bertugas sehingga bersara, ada pula melalui berbagai-bagai cabaran, kecederaan dan juga maut dalam menjalankan tanggungjawab. Kepada wira-wira dan bunga-bunga bangsa inilah yang menjelang hari perayaan seperti Aidil Fitri setiap tahun, kaum keluarga, sahabat handai, ibubapa dan isteri khasnya merindukan ahli keluarga yang tiada. Mungkin ada keluarga yang tidak mampu mengirimi juadah kecuali doa sahaja. Kitalah memenuhi kekosongan itu dengan sumbangan apa jua juadah, barangan yang kita mampu sediakan.
4. BAKTI amat berbangga dapat bersama-sama dengan orang ramai dan pihak MINDEF dan Kementerian Dalam Negeri dalam menyumbang bungkusan-bungkusan makanan kepada mereka yang bertugas di sempadan, di perairan, di hutan dan di luar negara. BAKTI berharap bungkusan- bungkusan kecil ini akan diterima dengan baik oleh 12,000 anggota Angkatan Tentera Malaysia dan 3,000 anggota Polis DiRaja Malaysia. Pengiriman bungkusan- bungkusan ini diiringi juga dengan ucapan Selamat Hari Raya dan doa BAKTI agar Allah Subhanahu wa Ta'ala memberi rahmat dan kesejahteraan serta perlindungan-Nya kepada semua anggota keselamatan daripada ancaman musuh, penyakit, dan segala mara bahaya agar mereka dapat balik ke pangkuan keluarga sesudah bertugas, insya-Allah.
5. Kini, peperangan di rantau ini tiada lagi menggunakan ketenteraan untuk menundukkan sesuatu negara. Cara baru kini ialah melalui strategi kewangan atau `monetary strategy' yang lebih buruk dan senyap.  
Elok juga kita mendengar daripada kedua-dua Ketua Angkatan Tentera Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia mengenai peranan mereka dalam `peperangan baru' ini.
6. Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi bagi pihak BAKTI saya mengucapkan terima kasih kepada semua tetamu yang hadir pada majlis ini dan juga kepada ramai Anggota Tentera dan Polis DiRaja yang membantu kami membuat persiapan ini pada 9 Januari lalu. Tidak lupa saudari-saudari ahli BAKTI yang datang untuk bertugas pada hari yang sama.
7. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memberkati usaha- usaha murni kita semua.